

23/05/1997

MSC dalam konsep amar makruf

Abdurrahman Haqqi

IA amat menarik. Demikian pendapat semua peserta TIDE II (Taaruf and Intellectual Discourse ke-12) di Guoman Resort dekat Port Dickson, Ahad lalu. Pesertanya adalah profesor hingga penolong pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa yang berjumlah 42 orang dari 15 negara. Program ini dirasmikan oleh Pemangku Rektor UIA, Prof Tan Sri Datuk Ahmad Ibrahim.

Mengapa mereka bersetuju menyatakan demikian? Jawapannya mudah sangat, iaitu mereka tidak akan menjumpai persembahan itu di negara peserta antarabangsa, yang kebanyakannya datang dari Timur Tengah. Mengapa?

Di sana, yang dikenal sebagai negara masyarakat lelaki, adalah suatu keanehan dan kejanggalan jika seorang perempuan memberi ceramah di hadapan khalayak lelaki apatah lagi jika yang memberikannya seorang wanita yang masih muda. Mereka akan bertambah terkejut jika mengetahui bahawa isi ceramahnya mengenai teknologi maklumat yang lazimnya perkataan 'teknologi' disepadankan dengan lelaki. Inilah yang berlaku dalam sesi menampilkan Wan Haslina Hassan dari Kulliyyah Ekonomi dan Ilmu Pengurusan dengan penuh yakin mempersembahkan ceramah bertajuk Multimedia & IT in Education.

Di Malaysia, perkara di atas sudah menjadi tradisi atau 'urf mereka. Daripada 'urf datang kata-kata makruf yang lazim disepadankan dengan 'amar' dengan pengertian menyuruh atau mengajak.

Ketika peserta lain mengikuti acara sukaneka pada sebelah petang, saya berkesempatan meluangkan masa dengan beberapa peserta yang tidak mengikutinya kerana beberapa hal. Sambil menikmati keindahan padang golf dan pemandangan Selat Melaka yang sibuk dengan kapal yang lalu lalang, saya mengajak mereka untuk memikirkan apa pengertian 'sebaik-baik umat' bagi kita (umat Islam) dalam sebuah ayat yang bermaksud: "Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)" (QS. Ali Imran: 110).

Jawapan mereka adalah sama seperti apa yang saya pernah baca dalam kitab tafsir klasik yang terpusatkan kepada pengertian aspek moral dalam mentafsir 'sebaik-baik umat kerana menyuruh berbuat perkara yang baik'.

Saya bertanya lagi kepada mereka, bagaimana dengan aspek lain seperti politik, ekonomi, sosiobudaya dan teknologi? Tidakkah kita boleh menerapkan konsep amar makruf dalam melakukan apa-apa yang baik dalam setiap aspek terbabit? Saya pun mendapat jawapan berbeza antara yang menyetujui, menolak dan yang bingung kerana tidak mengerti permasalahan sebenar.

Koridor Raya Multimedia (MSC) dan penguasaannya sebagai satu bahagian daripada keluarga teknologi maklumat yang akan mendominasi peradaban dunia pada alaf baru nanti tidak luput daripada konsep amar makruf jika kita juga mahu dianggap sebagai khaira ummah pada masa kini dan depan. Kerana di samping pengertian makruf adalah perkara yang baik ia juga boleh diertikan dengan 'apa-apa yang dikenali atau diketahui' kerana sudah menjadi suatu kebiasaan atau kelaziman. Bukankah pada era kita sekarang, MSC sudah menjadi objek yang kita kenal dan ketahui? Dengan itu kita juga disuruh menguasainya sebagai penafsiran daripada amar makruf.

Dalam ilmu Usul al-fiqh ada disebut al-ma'ruf 'urfan kal-masyruth syarthan atau perkara yang sudah menjadi tradisi sesuatu masyarakat boleh dipaksa pelaksanaannya sebagaimana melaksanakan suatu syarat dalam

perjanjian (Sya'ban, Usul ak-fiqh ..., 98). Kita sedia maklum bahawa apa yang diisyaratkan dalam setiap aktiviti, kita mesti memenuhinya jika tidak aktiviti berkenaan tidak sah. Jadi kedudukan `apa yang dikenali' sama dengan `apa yang diisyaratkan' dan memenuhinya adalah suatu kemestian.

Begitu pula dengan MSC yang menjadi `apa yang dikenali' oleh masyarakat dunia. Maka, penguasaannya adalah kemestian dan bagi pihak terbabit diwajibkan merealisasikan.

Dengan perasmian upacara pecah tanah bandar Cyberjaya Sabtu lalu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pemimpin Malaysia sudah menyiapkan jalan amar makruf dalam aspek teknologi agar kita tidak ketinggalan, manakala umat yang lain maju pada hal kita adalah khaira ummah. Pada zaman Rasulullah, khaira ummah, nampak dalam aspek moral mereka dan dalam penguasaan mereka dalam strategi perang iaitu sebahagian daripada aspek teknologi. Khaira ummah pada zaman Kenabian nampak dalam strategi dakwah yang juga sebahagian daripada aspek teknologi maklumat.

Yang terpenting dalam strategi penguasaan teknologi maklumat adalah sumber manusianya. Tangan trampil merekalah yang akan menentukan kejayaannya. Untuk itu, keazaman kerajaan untuk membina dan mencipta sumber manusia trampil sebagai peneraju kemajuan negara, seperti dikatakan Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Sarawak, Isnin lalu sebelum menuju Manila adalah sangat tepat. Adakah rakyat akan menyahutnya? Semoga berhasil!

(END)